

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, May 28, 2019 9:55 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Sumbangan Zakat Sucikan Hati Pemberi Dan Penerima Zakat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 MEI 2019 / 23 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

SUMBANGAN ZAKAT SUCIKAN HATI PEMBERI DAN PENERIMA ZAKAT



UUM ONLINE: Faedah menunaikan zakat bukan sahaja akan dinikmati pemberi zakat, malah penerima zakat juga dari segi penyucian hati.

Dalam surah al-Baqarah ayat 261, Allah berfirman, yang bererti, *"Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah, adalah seperti sebutir biji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, dan pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan bagi siapa yang Dia kehendaki, dan Allah jugalah Yang Maha luas kurnia-Nya, lagi Maha mengetahui."*

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, banyak lagi faedah dan hikmah daripada pensyariatkan zakat dalam kehidupan umat Islam.

Menurutnya, Islam telah menetapkan zakat sebagai kewajiban dan menjadikannya sebagai satu daripada rukun dengan meletakkannya pada kedudukan yang tinggi lagi mulia.

"Hal ini kerana pelaksanaan dan penerapannya mengandungi tujuan syarii' yang agung serta mendatangkan kebaikan di dunia dan di akhirat, baik pada yang kaya mahupun yang miskin.

"Atas hakikat dan tuntutan ini, kita perlu menjadikan urusan zakat harta dan zakat fitrah sebagai tanggungjawab besar untuk membuktikan penghambaan diri kepada Allah dengan menjalankan perintahNya," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Zakat Telekom Malaysia Berhad (TM) di Foyer Canselor, semalam.

Dr. Hendrik berkata, hubungan baik antara UUM dan TM telah terjalin sejak sekian lama sejak penubuhan kampus UUM di Sintok lagi, malah selain TM, UUM turut menjalin kerjasama dengan badan korporat atau industri lain seperti Maybank dan UEM yang turut memberikan bantuan sumbangan.

Sementara itu, Pengurus Besar TM Kedah/Perlis, Anis Ahmad Mohd Ibrahim berkata, sebagai syarikat TM dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang meletakkan keuntungan sebagai sasaran bagi memastikan syarikat terus relevan, pihaknya tidak pernah lupa untuk berkongsi rezeki dengan golongan asnaf yang memerlukan terutamanya di Kedah dan Perlis.

Menurutnya, TM sentiasa bekerjasama dengan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) dalam menyampaikan bantuan dan sumbangan tersebut dan pada tahun ini TM telah bekerjasama dengan kerajaan negeri Kedah menyantuni golongan asnaf di selatan Kedah, Perlis, Langkawi dan juga UUM.

"Dengan tema Syawal pada tahun ini iaitu 'Lebih Untukmu', TM ingin berkongsi rezeki bersama pelajar UUM dengan memberi harapan untuk membantu mereka menjalani ibadah puasa dan menyambut Syawal tidak lama lagi.

"Kita di TM Kedah/Perlis akan berusaha untuk berkongsi rezeki sebanyak mungkin dengan mereka yang memerlukan agar semua orang tidak merasa terpinggir dan dapat bersama-sama menikmati kegembiraan," katanya.

Seramai 85 pelajar UUM telah menerima sumbangan zakat yang disampaikan Dr. Hendrik dan juga Anis Ahmad.

Pelajar, Ummuhani' Aidi dari Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS) berkata, dia gembira kerana dipilih untuk menerima sumbangan zakat tersebut yang mana ia sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban keluarganya untuk menyediakan keperluan raya nanti.

Menurutnya, dia juga menerima bantuan zakat UUM sejak semester lalu dan dengan adanya bantuan zakat tersebut, dia tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada ibu dan bapanya di Kota Bharu, Kelantan.

Mengenai persiapan raya, Ummuhani' berkata, dia hanya menyediakan sepasang pakaian baharu untuk dipakai pada Aidilfitri nanti berikutan dia perlu pulang ke kampus untuk menduduki peperiksaan akhir.

Pelajar semester enam itu akan pulang ke kampung untuk menyambut Syawal pada 2 Jun depan dan kembali semula ke kampus pada 8 Jun bagi menyambung mengambil peperiksaan akhir.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.